

**Bahagian A [ 15 markah ]**

1	C	6	D	11	B
2	B	7	B	12	D
3	D	8	C	13	A
4	D	9	A	14	B
5	A	10	C	15	B

**Bahagian B [ 15 markah ]**

Jawab **semua** soalan.

16 Nyatakan **tiga** kategori individu yang layak memohon kewarganegaraan secara pendaftaran. [ 3 ]

- i).....  
 ii).....  
 iii).....

**Skema jawapan:**

1. Individu yang berumur kurang daripada 21 tahun
2. Isteri warganegara
3. Individu yang berusia 18 tahun atau lebih dilahirkan di Persekutuan sebelum hari merdeka
4. Individu yang berumur 18 tahun bermastautin di Sabah dan Sarawak pada Hari Malaysia

17 Terangkan **dua** perbezaan ciri Sultan dan Yang Dipertua Negeri [ 4 ]

- i).....  
 .....  
 ii).....  
 .....

**Skema jawapan:**

Ciri	Huraian	
	Sultan	Yang DiPertua Negeri
1. cara perlantikan	Ditabal berdasarkan pewarisan tahta	Dilantik oleh Yang Dipertuan Agong
2. Keahlian dalam Majlis Raja-Raja	Ahli MRR yang terlibat dalam pelantikan YDPA	Ahli MRR tetapi tidak terlibat dalam pelantikan YDPA
3. Hak didakwa	Hanya didakwa di Mahkamah Khas Raja-Raja dengan sifat	Boleh didakwa di mahkamah awam dengan sifat rasmi dan

	peribadi	peribadi
4. Pemecatan	Tidak boleh dipecat	Boleh dipecat oleh YDPA dengan persetujuan tidak kurang 2/3 undi ahli Dewan Undangan Negeri
5. kuasa melantik ketua eksekutif	Melantik Menteri Besar untuk mengetuai MMKN	Melantik Ketua Menteri untuk mengetuai MMKN
6. Peranan sebagai ketua agama	Merupakan Ketua Agama Islam di negeri masing-masing	Bukan ketua agama Islam – diambil alih oleh YDPA

Mana-mana 2 isi + 2 huraian

1 isi = 1 markah

1 huraian = 1 markah (*mesti menyebut Sultan dan Yang Dipertua Negeri*)

3. Nyatakan **empat** jenis sumber hasil yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan. [ 4 ]

i).....

ii).....

iii).....

iv).....

**Skema jawapan:**

1. Cukai taksiran
2. lesen-lesen
3. Sewaan
4. Bayaran perkhidmatan
5. denda

4. Terangkan bagaimana kerajaan dapat memastikan Malaysia terus berdaya saing di peringkat antarabangsa. [ 4 ]

i).....

.....

.....

ii).....

.....

.....

**Skema pemarkahan:**

<b>Tindakan</b>	<b>Huraian</b>
1. Memastikan tenaga kerja yang sentiasa mampu bersaing	Untuk memenuhi pasaran kerja di dalam dan luar negara
2. Mengkaji sistem pendidikan negara	Untuk melahirkan tenaga mahir dan separa mahir dalam pelbagai bidang
3. Memupuk graduan berbakat	Untuk mencipta dan meneroka peluang baru
4. Memperkukuh sector swasta	Untuk membolehkan sector ini menerajui pertumbuhan ekonomi negara
5. Meluaskan punca kutipan hasil	Untuk meningkatkan hasil ekonomi negara
6. Memenuhi ekspektasi stakeholders dan pelanggan	Untuk meningkatkan budaya kerja yang berkualiti

**Skema**

Mana-mana 2 isi + 2 huraian

1 isi = 1 markah

1 huraian = 1 markah

### Bahagian C

Pilih *dua* daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. [50]

20. Penggunaan plastik semakin meluas dalam pelbagai bidang kehidupan. Namun begitu, kesan penggunaannya tidak patut dipandang enteng oleh masyarakat. Bincangkan.

#### Skema jawapan:

#### Pendahuluan:

Plastik mendominasi kehidupan kita hari ini. Plastik digunakan secara meluas dalam kenderaan, permainan kanak-kanak, bahan pembungkusan, barangan rumah, komputer, sudu dan garfu, alat-alat perubatan dan sebagainya. Penemuan plastik telah banyak membantu memudahkan kita dalam kehidupan, namun plastik sebenarnya membawa bersama impak negatif atau bahaya yang tidak disedari.

Bil	Idea / Isi	Huraian
A. KEBAIKAN		
1	Bidang Perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• produk plastik seperti nilon, polister dan getah sintetik</li> <li>• plastik dijadikan pengganti</li> <li>• industri automotif - sebahagian daripada komponen kenderaan</li> <li>• komponen mesin elektronik &amp; mekanik (ABS)</li> </ul>
2	Proses Pembungkusan makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kira-kira 40 peratus plastik adalah untuk pembungkusan makanan.</li> <li>• Ini membantu penyimpanan makanan agar tidak mudah rosak, mengurangkan pembaziran makanan dan mengurangkan berat bungkusan.</li> <li>• Contoh, di Eropah, sebanyak 50 peratus makanan di rantau berkenaan dibungkus dengan plastik. Ironinya, dengan ketiadaan plastik, kuantiti pembuangan makanan meningkat 158 peratus dan pembuatan meningkat kepada 108 peratus.</li> <li>• Kecekapan makanan dalam pembungkusan makanan plastik tidak boleh dibandingkan berbanding bahan</li> </ul>

		<p>lain</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kalis air dan tahan lama. Sesuai dijadikan bekas kedap udara</li> </ul>
3.	Sesuai untuk kegunaan harian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• fleksibel (sesuai bentuk produk), tidak mudah pecah (lentur)</li> <li>• aneka warna, tidak mudah rosak</li> <li>• harganya yang relatif murah ,akan menjimatkan wang dan mudah didapatkan seperti bekas makanan dan minuman dan beg plastik</li> <li>• ringan, senang dibawa ke mana-mana dan mudah digunakan dengan berulang kali.</li> </ul>
4.	Meningkatkan ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjuta-juta perniagaan mengaut keuntungan berbilion-bilion ringgit dengan kos pengeluaran yang murah dengan adanya plastik.</li> <li>• Harga barangan dapat diminimakan dengan penggunaan plastik.</li> <li>• Malah kita dapat memiliki barangan dengan harga yang rendah disebabkan penggunaan bahan plastik. Itu belum lagi dikira keuntungan yang dibuat oleh syarikat atau kilang membuat plastik</li> <li>• Contohnya, industri plastik merekodkan perolehan RM16.24 bilion pada 2008, peningkatan sebanyak 5.2 peratus berbanding dengan perolehan RM15.44 bilion pada 2007.</li> </ul>
B.	Kesan	
5.	Pencemaran terhadap alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• sifatnya tidak terdegredasi iaitu sukar diuraikan</li> <li>• Plastik-plastik yang dibuang ini tidak akan hancur dalam masa yang singkat kerana jangka hayatnya sangat panjang hingga mencapai lebih kurang 10 abad untuk hancur atau terurai.</li> <li>• tempoh reput yang agak panjang, maka ia akan memenuhi sebahagian besar dari kawasan tapak pelupusan sampah.</li> <li>• boleh menyekat pengaliran air sehingga boleh menyebabkan air parit dan sungai membanjiri kawasan berhampiran apabila hujan lebat.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• plastik boleh mengeluarkan kompaun toksik dan berbahaya apabila ia reput.</li> <li>• Sekiranya hal ini berlaku, pencemaran tanah, sungai dan sumber air di bawah permukaan tanah tidak mustahil akan terjadi.</li> </ul>
6.	Kesihatan manusia terjejas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahan plastik akan bertindakbalas secara kimia apabila dipanaskan.</li> <li>• Sejenis kimia yang dipanggil bisphenol-A (BP-A) terhasil dan akan merangsang pertumbuhan sel kanser di dalam tubuh apabila ia masuk bersama-sama makanan yang kita makan atau minuman botol yang diteguk.</li> <li>• Jika proses pembakaran tidak sempurna, plastik akan terurai di udara sebagai dioksin.</li> <li>• Dioksin sangat berbahaya jika dihidu oleh manusia. Impaknya antara lain adalah pemangkin penyakit kanser, hepatitis, bengkak hati, gangguan sistem saraf dan pemangkin depresi.</li> <li>• Bisphenol A iaitu monomer yang digunakan dalam pengeluaran polikarbonat boleh menyebabkan penyakit jantung dan pengeluaran tahap enzim organ hati yang luar biasa.</li> <li>• Sekiranya ditanam, bahan toksin di dalamnya boleh menyerap kedalam tanah dan memasuki sumber air kita</li> <li>• plastik mengandungi satu bahan yang dikenali sebagai sebatian organik Bis(ethylhexyl)phthalate atau lebih dikenali sebagai DEHP atau phthalates yang mampu merosakkan DNA sperma manusia.</li> <li>• mengganggu sistem reproduksi dan menghasilkan janin yang cacat</li> </ul>
7.	Mengancam nyawa hidupan laut	<ul style="list-style-type: none"> <li>• satu kajian telah mendapati bahawa lebih kurang 100 bilion tan beg plastik telah mencemari lautan seluruh dunia .</li> <li>• boleh mengancam hidupan aquatik dan marin.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh, ini meragut nyawa hidupan laut seperti penyu, burung-burung dan ikan paus.</li> <li>• Dianggarkan juga sejuta burung cedera dan mati setiap tahun kerana termakan dan terjerat beg plastik .</li> <li>• banyak penyu mati akibat termakan beg plastik yang terapung hanyut di permukaan laut yang menyerupai makanan asasi penyu, iaitu ubur-ubur.</li> </ul>
8	Mengurangkan sumber petroleum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Plastik merupakan bahan yang terhasil daripada petroleum</li> <li>• Jika lebih banyak plastik kita gunakan hari ini, berkuranglah bekalan minyak kita pada masa hadapan.</li> <li>• Dalam jangka masa panjang, Negara akan kehilangan sumber petroleum ini.</li> <li>• Tambahan pula sumber ini kian mahal</li> </ul>

Kesimpulannya, plastik perlu dihasilkan menggunakan bahan yang lebih mesra alam bagi mengurangkan kesan terhadap ekologi dan masalah kesihatan masyarakat hari ini.

**Cadangan jawapan:**

2 + 3 atau

3 + 2

21. Jenayah indeks dapat dikurangkan dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan polis. Usaha ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Bincangkan.

**Skema jawapan:**

**Pendahuluan:**

Akhir-akhir ini masalah jenayah yang berlaku di negara ini kian menjadi-jadi. Kes-kes jenayah seperti gengsterisme, vandalism, bunuh, rogol, ragut, pengedaran dadah, pelacuran dan sebagainya semakin kerap menghiasi dada-dada akhbar. Masalah ini dapat dibendung melalui pelbagai strategi.

Bil	Isi/Idea	Huraian
1	Meningkatkan kualiti perkhidmatan polis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah peruntukan sejumlah RM3.7 bilion untuk kecekapan anggota termasuk menyediakan kelengkapan moden dan canggih</li> <li>• Menambah logistik spt menambah bilangan kenderaan, pembinaan pondok-pondok polis, balai polis bergerak, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan berisiko</li> <li>• Menaiktaraf makmal forensik</li> <li>• Menggunakan peralatan canggih spt penggunaan balistik canggih oleh Unit Balistik PDRM</li> <li>• Mengemaskini strategi spt Sang Saka Biru untuk menangani jenayah, mewujudkan Balai Polis Perkhidmatan Mesra (BPPM) iaitu pusat sehati untuk memudahkan masyarakat mendapatkan perkhidmatan</li> </ul>
2	<p><b>Peranan pelbagai pihak</b></p> <p>Masyarakat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekerjasama dengan berkongsi maklumat dengan pihak polis, menjadi mata dan telinga pihak polis</li> <li>• Terlibat dalam program-program anjuran polis supaya lebih memahami tugas dan tanggung jawab PDRM</li> <li>• Mengikis sikap tidak mahu campur tangan dan membudayakan cara hidup antijenayah</li> <li>• Menyertai pasukan Sukarelawan Simpanan Polis (SSP) dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) untuk membantu PDRM</li> <li>• Tidak mengundang jenayah – berjalan dalam gelap/bersunyi-sunyian, memakai barang kemas yang banyak</li> <li>• Menyertai Rukun Tetangga dan Skim</li> </ul>



		<p>Rondaan Sukarela di kawasan kediaman masing-masing</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan untuk motosikal, kereta dan rumah untuk menggalakkan sifat tanggungjawab bersama dalam kalangan para pemilik supaya mereka mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melindungi harta benda mereka daripada dicuri.</li> <li>• inisiatif-inisiatif yang dicadangkan termasuklah menggalakkan pemasangan kunci khas (U-Lock) bagi motosikal</li> </ul>
3	Pihak sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah</li> <li>• Membangkitkan kesedaran dan kepekaan murid-murid terhadap kemungkinan berlakunya jenayah dan langkah-langkah pencegahan</li> <li>• Mengeratkan hubungan kerjasama antara sekolah dan polis dalam usaha membanteras kegiatan jenayah sama ada di dalam atau luar sekolah</li> <li>• Memberi pendidikan moral dan akidah yang kukuh</li> </ul>
4	Media massa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyemai kesedaran tentang jenayah</li> <li>• Membantu menjejak penjenayah dengan mengedarkan wajah suspek/penjenayah</li> <li>• Memudahkan pihak polis menjejak penjenayah</li> <li>• Memberi nasihat dan panduan untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa</li> <li>• Menjadi badan pemerhati/<i>watchdog</i> dan melaporkan kejadian jenayah</li> </ul>
5	Badan bukan kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memberi ganjaran kepada pemilik-pemilik yang memasang ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan, pemberi insurans akan digalakkan melaraskan premium insurans (dan bakal jumlah yang diinsurankan)</li> <li>• Memberikan sumbangan dan bantuan kepada organisasi yang membuat R &amp; D tentang langkah atasi jenayah</li> <li>• Bergerak seiring dengan kerajaannya mengadakan kempen dan sebagainya</li> </ul>
6	Negara-negara jiran/antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekerjasama untuk membenteras jenayah rentas sempadan, contoh Interpol</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkongsi maklumat dan data risikan</li> <li>• Memberikan kerjasama dari aspek kepakaran untuk mengesan penjenayah</li> </ul>
7	Institusi keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendidik anak tentang langkah elak jenayah</li> <li>• Memberi pendidikan moral dan agama</li> <li>• Mementingkan keselamatan anak-anak daripada mementingkan sikap materialistik</li> </ul>
8	Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambah peruntukan kepada pihak polis</li> <li>• Menempatkan polis di kawasan hotspot dengan bantuan RELA dan JPAM</li> <li>• Meminda undang-undang sedia ada cth: meningkatkan denda/hukuman</li> <li>• Mengadakan kempen seperti Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni untuk membanteras jenayah jalanan</li> <li>• Memantapkan tadbir urus negara supaya kakitangan lebih berintegriti</li> <li>• Memperkasa sistem pendidikan untuk memupuk budaya anti jenayah</li> <li>• Mewujudkan Program Latihan Khidmat Negara untuk lahirkan modal insan berintegriti</li> </ul>

### Penutup:

Jenayah indeks perlu ditangani secara bersama oleh segenap lapisan masyarakat bagi menjamin negara ini selamat untuk dihuni.

### Cadangan jawapan:

1 + 4

*(idea 1 adalah wajib)*

*Pastikan calon menyebut perkataan **jenayah indeks** sekurang-kurangnya sekali dalam penulisan*

*Nota:*

Jenayah indeks merangkumi 2 kategori jenayah iaitu jenayah kekerasan (bunuh,cuba bunuh, rogol, sumbang mahram, saman bersenjata/tanpa bersenjata, samun bersenjata/tanpa senjata, samun berkawan bersenjata/tanpa senjata,cedera parah) dan jenayah harta benda (pecah rumah dan curi siang/malam hari, curi motosikal,curi kenderaan,ragut,lain-lain curi).

22. Ada pendapat mengatakan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat ditingkatkan dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Bincangkan.

**Skema jawapan:**

**Pendahuluan**

Sistem penyampaian yang berkesan amat penting bagi membangunkan sesebuah negara.

Bil	Isi/idea	Huraian
1	Aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan kerajaan elektronik dan membolehkan pengaplikasian ICT dalam penyampaian perkhidmatan spt myGovernment dan portal eKL</li> <li>• Membolehkan rakyat menggunakan internet apabila berurusan dengan jabatan kerajaan</li> <li>• Memudah dan mengurangkan masa berurusan serta meningkatkan keyakinan rakyat kepada perkhidmatan kerajaan</li> </ul>
2	Meningkatkan kecekapan operasi agensi kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan mekanisme untuk mempercepatkan urusan kerajaan</li> <li>• Menyediakan kemudahan kepada pelanggan untuk membangunkan potensi dalam sektor ekonomi</li> <li>• Meningkatkan kualiti penyampaian dan penyelarasan dokumen merentasi jabatan dan agensi</li> <li>• Menubuhkan pusat setempat seperti RTC dan UTC</li> <li>• Membuat pemantauan berterusan dan menilai kompetensi penjawat awam</li> </ul>
3	Membangunkan keupayaan sistem	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih dan melatih kakitangan awam terbaik serta berpotensi tinggi untuk melaksanakan sistem perkhidmatan yang berkualiti</li> <li>• Memberi pendedahan yang lebih positif, berkemahiran tinggi dan rangkaian yang lebih bersepadu antara sektor awam dan swasta</li> <li>• Menyediakan pusat latihan untuk mempersiapkan kakitangan awam yang</li> </ul>

		berkemahiran tinggi dengan mengadakan kerjasama dengan jabatan perkhidmatan luar negara
4	Membangunkan budaya kerja berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggubal dasar kerajaan yang mendorong kepada perubahan budaya kerja berkualiti seperti akauntabiliti, ketelusan,</li> <li>• Memastikan pematuhan kepimpinan melalui teladan, bersih cekap dan amanah, PIN untuk meningkatkan prestasi kerja penjawat awam</li> </ul>
5	Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan suasana kerja dan tempat kerja yang selesa</li> <li>• Suasana dapat meransang prestasi kerja</li> <li>• Mewujudkan budaya penyayang dan mesra pelanggan</li> <li>• Mewujudkan budaya kerja berpasukan dan saling bekerjasama untuk meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan awam</li> </ul>
6	Meningkatkan infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan peruntukan untuk menambah dan meningkatkan prasarana kepada pelanggan, ruang pejabat dan ruang khidmat pelanggan</li> <li>• Mewujudkan penyelesaian kepada pelanggan melalui sistem maklum balas pelanggan</li> </ul>
7	Memberikan ganjaran ekstrinsik dan intrinsik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan motivasi dengan memberi pelbagai pujian/ganjaran /sijil dan pengiktirafan</li> <li>• Memberikan skim gaji yang setimpal dengan usaha/ganjaran berbentuk wang dan bukan wang</li> </ul>
8	Amalan kepimpinan melalui teladan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepimpinan organisasi mestilah menjadi contoh yang baik kepada kakitangan di bawahnya dengan melaksanakan suatu tugas yang dipertanggung jawabkan dengan penuh dedikasi</li> <li>• Mestilah tegas mengambil tindakan</li> </ul>

		undang-undang terhadap mana-mana pegawai yang terlibat dalam jenayah
9	Menyelaraskan dasar dan polisi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyelaraskan dasar dan polisi antara jabatan dan kementerian supaya tidak berlaku pertindihan arahan</li> <li>• Kerjasama antara jabatan dapat memastikan sistem penyampaian berjalan lancar</li> </ul>

**Kesimpulan:**

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang baik dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Kualiti perkhidmatan awam yang baik akan mengharumkan nama negara kita seantero dunia.

Cadangan jawapan:

1 + 4

*(idea 1 adalah wajib)*